

## **Penglibatan Pegawai Kerajaan Dalam Forex/ Bitcoin**

Perdagangan matawang (*forex trading*) bermaksud aktiviti menjual atau membeli matawang asing antara orang persendirian atau syarikat dalam Malaysia dengan mana-mana individu yang diberi kuasa atau kebenaran oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]. Pegawai awam yang ingin terlibat dalam apa-apa perdagangan termasuk Forex (matawang), matawang kripto (*Cryptocurrency* termasuk Bitcoin) atau apa-apa saham hendaklah memastikan ia sah dan dibenarkan oleh undang-undang.

**Merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), perdagangan Forex (matawang), matawang kripto (Cryptocurrency termasuk Bitcoin) atau apa-apa saham adalah suatu pekerjaan luar dan pegawai hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatannya sebelum menjalankan mana-mana aktiviti atau melaksanakan mana-mana perkhidmatan yang dinyatakan.**

Oleh yang demikian, **Unit Integriti menyeru kepada Warga MATRADE** yang menjalankan aktiviti seperti ini, hendaklah mendapatkan kebenaran untuk melakukan pekerjaan ini daripada Ketua Jabatan dengan mengisi borang pekerjaan luar.

**#nowyouknow**

**#actnow**

TAHUKAH ANDA 

# BITCOIN & FOREX

## ADALAH PEKERJAAN LUAR

**Melakukan Pekerjaan  
Luar Tanpa Kebenaran  
Adalah Satu **Kesalahan.****

***Peraturan 4, Jadual  
Kedua Bahagian II, Akta  
Badan Berkanun  
(Tatatertib Dan Surcaj )  
2000 [Akta 605]***

Pekerjaan Luar Boleh Dilakukan Dengan Kebenaran Ketua Jabatan Dengan Syarat:

- Tidak dilakukan semasa waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas rasminya;
- Tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk menjejaskan kegunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun;
- Tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk bercanggah dengan kepentingan jabatan atau menjadi tidak konsisten dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun;
- Tidak menggunakan peralatan dan kemudahan pejabat untuk kepentingan pekerjaan luar.

#nowyouknow

#actnow

#integriti7/2021